



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

[Laman Facebook Alumni](#)

[Laman Web HEPA](#)

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [GLFC 2012 rintis hubungan UMK dengan pemain industri global](#) [Pelajar](#)

GLFC 2012 rintis hubungan UMK dengan pemain industri global



PERSIDANGAN Global Leaders Forum and Conference (GLFC) 2012 anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) adalah sebahagian daripada komitmen Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini menjalin kerjasama di peringkat antarabangsa.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, berkata, penganjuran GLFC 2012 dalam bidang keusahawanan di peringkat antarabangsa adalah amat bertepatan dengan penubuhan UMK yang sememangnya menumpukan bidang tersebut sebagai teras kepada aspek pembelajaran.

Beliau berkata, kerjasama peringkat antarabangsa seperti ini perlu diperhebatkan lagi supaya tidak ada jurang di antara IPT di negara ini dengan universiti di negara-negara lain kerana cabaran dan kepesatan ekonomi globalisasi hari ini memerlukan universiti memiliki rangkaian antarabangsa bagi memberikan pendedahan dan pengalaman baru kepada pelajar.

"Justeru itu, persidangan ini sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan kedudukan mereka dan seterusnya memberi peluang kepada pelajar serta peserta menimba seberapa banyak pengalaman berkaitan status dan peluang ekonomi serantau, perusahaan sosial, promosi perniagaan, memperkasakan imej korporat dan cabaran perniagaan," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas menyempurnakan perasmian GLFC 2012 bertemakan Academic Entrepreneurship at Global Network di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 11 Disember 2012.



Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Universiti, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman dan Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose.

Dato' Sri Mustapa selaku Menteri Mentor UMK berkata, kerjasama dengan rangkaian antarabangsa ini satu perkara yang mesti serta wajib dilakukan kerana ia akan memberi lebih pendedahan dan pengalaman baru kepada pelajar dan pakar-pakar antarabangsa untuk perkongsian dalam pelbagai bidang.

Beliau memberitahu bahawa kerjasama itu dapat membantu pelajar agar lebih berpengetahuan sekali gus dapat meningkatkan kualiti pembelajaran mereka.

"Selain itu, pihak Universiti juga hendaklah meningkatkan kualiti kepada pelajar mereka menerusi program internship dan menimba seberapa banyak pengalaman ketika menjalani latihan industri untuk memudahkan graduan mendapat pekerjaan apabila habis belajar kelak," ujar beliau.

Dato' Sri Mustapa berkata, UMK sebagai universiti keusahawanan telah mengambil pendirian yang pro-aktif dalam meletakkan pengetahuan untuk digunakan dan dalam memperluaskan input ke dalam penciptaan pengetahuan akademik.



Sementara itu, antara pemain industri yang terlibat dalam persidangan GLFC 2012 terdiri daripada Prof. Marc Clement dari Swansea University, Wales; Dr. Charles Hirshman dari Washington State of University, Seattle dan Ketua Pegawai Eksekutif Global Strategic Management Corporation, USA, Prof. Matthew Koufie.

Manakala, pada hari kedua akan di adakan persidangan akademik untuk para akademik membentangkan kertas kerja atau hasil penyelidikan mereka. Kertas kerja mereka akan di nilai untuk penambahbaikan oleh profesor bagi tujuan penambahbaikan.



Bilangan Pelawat :
300082

[Penafian](#)
 |
[Dasar Privasi](#)
 |
[Dasar Keselamatan](#)
 |
[Soalan Lazim](#)
 |
[Hubungi Kami](#)
 |
[Bantuan](#)
 |
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
 Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
 Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
 Tel : +609 - 7717000
 Fax : +609 - 7717022
 Email : webmaster@umk.edu.my
 Tarikh Kemaskini: 13/12/2012, 03:30:06.